

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KILANG BEAM & SECTION

TEMPAT: KEDAH DARUL AMAN

TARIKH: 12 MAY 1997

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengurusan Perwaja kerana menjemput saya untuk berucap pada majlis ini dan seterusnya merasmikan Kilang Beam & Section Perjawa di Kompleks Gurun ini.

2. Saya berasa bangga kerana Perwaja, di sebalik masalah serta kritikan pelbagai pihak, masih dapat mengekalkan operasinya bukan kerana sokongan Kerajaan semata-mata tetapi berkat hasil usaha gigih daripada pihak pengurusan serta pekerja-pekerjanya. Sokongan Kerajaan semata-mata dalam mempertahankan kewujudan Perwaja tidaklah mencukupi dan tidak akan menghasilkan sebarang kejayaan tanpa kesungguhan, komitmen, kejujuran serta dedikasi pengurusan dan pekerjaannya. Walau berapa banyak sekalipun pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan kepada Perwaja, ia akan menjadi sia-sia jika tiada kerjasama dan sokongan daripada semua pihak.

3. Untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang berjaya, negara ini perlu mengeluarkan sendiri barangan kelulunya bagi memenuhi keperluan sektor pembinaan tempatan dan lain-lain. Industri keluli memerlukan pelaburan yang besar yang tidak semestinya menjanjikan pulangan keuntungan dalam masa yang singkat. Pengalaman-pengalaman industri keluli di Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan menunjukkan mereka melalui proses yang sama dengan keuntungan hanya diperolehi selepas lama beroperasi.

4. Kita mahu menjadi sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang 2020, di mana kita setanding dan setaraf atau lebih baik lagi daripada negara-negara yang telah lama mencapai status negara maju. Kemajuan industri keluli sesebuah negara menjadi kayu pengukur kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Sekira di perhatikan sejarah beberapa negara yang maju, kita dapati industri keluli telah memainkan peranan terpenting dalam membawa kemajuan kepada negara-negara itu. Ini telah jelas berlaku kepada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun, Korea dan Jerman. Malaysia juga harus menyedari hakikat ini dan memastikan agar industri keluli kita akan turut mengiringi kemajuan negara kita. Malahan lebih daripada itu, Malaysia sepatutnya cuba menjadi pengeksport keluli yang utama di rantau ini.

5. Dalam kerancangan dan kepesatan kemajuan negara pada masa ini dengan pelbagai projek pembangunan gergasi seperti lapangan terbang antarabangsa Sepang, Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan bandar Cyberjaya, pertumbuhan permintaan barangan keluli pasti meningkat dengan banyaknya. Sehubungan dengan itu, Perwaja sebagai perintis industri keluli negara perlu proaktif dengan perkembangan-perkembangan ini dan membuat perancangan rapi serta praktikal, menjurus kepada memenuhi keperluan sektor pembinaan tempatan.

6. Kita bukan sahaja mahu dikenali sebagai pengeluar utama barangan keluli tetapi barangan keluli yang dikeluarkan turut tinggi mutunya serta konsisten pengeluarannya. Dengan kekuatan ini negara tidak lagi perlu bergantung kepada import barangan keluli tertentu bagi menampung keperluan tempatan.

7. Dalam hubungan ini juga, Kerajaan berharap syarikat-syarikat pengeluar barangan keluli tempatan dapat meningkatkan daya inovasi dan daya inisiatif mereka untuk mengeluarkan produk-produk baru yang sangat-sangat diperlukan oleh sektor-sektor pembinaan serta fabrikasi tempatan.

8. Memang mudah untuk sesiapa membuat kritikan apabila sesuatu projek Kerajaan itu menghadapi krisis atau masalah. Sifat seperti ini adalah perkara biasa. Kerajaan memang bertekad dengan keputusan meneruskan industri keluli negara. Kita sememangnya masih baru dalam kepesatan dan kecanggihan industri keluli. Bagaimanapun, saya yakin kita telah mendapat sedikit sebanyak kepakaran dalam bidang keluli, selepas berbelas-belas tahun menceburi dalam industri ini. Walaupun Perwaja pernah mengalami masalah, saya yakin pengalaman lalu yang pahit itu tidak akan disia-siakan dan akan dijadikan teladan dan panduan bagi membawa semula Perwaja kepada mercu kejayaan. Kita tidak boleh mudah kecewa atau menyerah kalah atau semata-mata menyerah kepada takdir akan nasib kita. Kita perlu berusaha dan berusaha dengan sepenuh komitmen kita.

9. Dalam lawatan saya ke Kompleks Perwaja Kemaman pada 12 Disember 1996, saya telah berpeluang bertemu dengan pekerja-pekerja Perwaja di Kompleks tersebut dan saya menyaksikan sendiri betapa tingginya semangat kerja mereka. Hari ini, saya bersyukur kerana dapat berjumpa dengan pekerja-pekerja di Kompleks Perwaja Gurun setelah kunjungan terakhir pada tahun 1994. Saya nampak pekerja-pekerja di sini juga mempungai semangat kerja yang tinggi dan saya berharap semangat ini dapat dikekalkan dan ditingkatkan lagi. Pada saya semangat untuk bekerja ini perlu kerana tanpa semangat, kita tidak ubah seperti robot atau mesin yang hanya mengikut arahan tanpa menggunakan minda kita untuk berfikir bagi kebaikan kerja

kita dan untuk meningkatkan pencapaian kita. Kita juga tidak boleh kerja kerana upah semata-mata. Sebaliknya kita harus kerja kerana ingin melihat hasil kerja yang memberi kepuasan kepada kita, bahkan kita dapat berbangga dengannya.

10. Kilang Beam & Section ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia. Kilang ini dibina sebagai sebahagian daripada rancangan Perwaja untuk menjadi sesebuah kilang pengeluaran barangan keluli bersepadu.

11. Pengeluaran 'medium and heavy steel section' oleh kilang Perwaja ini akan dapat menyediakan alternatif kepada industri pembinaan tempatan di mana sebelum ini hanya menggunakan "reinforced concrete" dalam struktur pembinaan mereka.

12. Kekuatan keluli binaan adalah enam kali ganda dibandingkan dengan "reinforced concrete". Mutunya pula lebih tinggi dan menepati piawaian antarabangsa. Penggunaan keluli juga menjimatkan masa dan mengurangkan tenaga buruh. Tambahan lagi, keluli boleh dikisar semula dan ini merupakan suatu penjimatan jangka-panjang dan menjadikan keluli sebagai suatu bahan yang 'environmentally-friendly'. Justeru itu, keluli adalah suatu bahan yang amat wajar dan patut digunakan dengan meluasnya di dalam bidang pembinaan di negara kita.

13. Masalah-masalah seperti kekurangan bekalan simen, tenaga buruh yang menyebabkan pembanjiran buruh-buruh asing ke negara akan dapat diatasi dengan penggunaan keluli dalam struktur binaan ini. Ini adalah satu alternatif yang perlu diambilkira oleh perunding pembinaan termasuk arkitek, jurutera dan kontraktor. Saya yakin, kebolehan kita untuk mencari alternatif terhadap penyelesaian segala masalah ini akan menentukan kejayaan dan kemajuan kita dalam industri keluli dan perindustrian negara.

14. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan kilang Beam & Section Perwaja di Gurun.